

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

7 Ogos 2020

1. Pemilik anjing didenda 2,000
2. Anjing serang wanita, nelayan didenda RM2,000
3. MAHA 2020 diteruskan dengan SOP ketat
4. Daging Kerbau RM436,000 dirampas

OLEH:

SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KERATAN AKHBAR

Tarikh: 7 Ogos 2020

Media Cetak/Elektronik	Kosmo	Catatan:
Ruangan	Negara	
M/Surat	13	
Perkara	Akta Kebajikan Haiwan	

Nelayan cuai sehingga menyebabkan haiwan peliharaan gigit wanita

Pemilik anjing didenda RM2,000



SEA Hai diluring keluar dari Mahkamah Majistret Melaka selepas mengaku salah cuai menjaga anjing peliharaannya. — RASUL AZLI SAMAD

Oleh RIZANIZAM ABDUL HAMID

MELAKA — Seorang nelayan di-denda RM2,000 oleh Mahkamah Majistret di sini kerana cuai hingga mengakibatkan anjing peliharaannya menyerang dan mencederakan seorang wanita Julal lalu.

Liew Sea Hai, 43, dijatuhi hukuman itu selepas mengaku bersalah di hadapan Majistret Mohamad Izwan Mohamed Noh.

Sea Hai didakwa cuai menyebabkan haiwan peliharaannya mencederakan Purba Evita Kristina, 23, di hadapan rumah Nombor 5, Jalan Marikh 8, Taman Tanjung Miryak Perdana pada pukul 9.30 malam 27 Julai lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 289 Kanun Keseksaan



KERATAN Kosmo! 29 Julai 2020.

yang memperuntukkan hukuman penjara enam bulan atau denda RM2,000 atau kedua-duanya sekali.

Tertuduh melalui peguam Surendran Chelvarajah memohon mahkamah mengurangkan denda itu atas alasan dia telah merantai anjingnya dengan rapi. "Namun kecualiannya pada

hari itu ialah membiarkan pagar rumahnya terbuka menyebabkan anjingnya keluar dari rumah sewanya," kata Surendran.

Majistret Mohamad Izwan kemudian menetapkan denda maksimum RM2,000 atau penjara tiga bulan jika gagal membayar denda itu selepas mendengar hujahan balas Timbalan Pendakwa Raya, Raudhah Mazman.


Mahkamah turut mengarahkan anjing berkenaan diserahkan kepada Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah untuk tindakan susulan.

Pada 29 Julai lalu *Kosmo!* melaporkan seorang wanita cedera selepas diserang dan digigit sekor anjing ketika sedang berjalan di sebuah kawasan perumahan pada pukul 9.43 malam.

KERATAN AKHBAR

Tarikh: 7 Ogos 2020

Media Cetak/Elektronik	Harian Metro	Catatan:
Ruangan	Lokal	
M/Surat	4	
Perkara	Akta Kebajikan Haiwan	



RAKAMAN CCTV menunjukkan mangsa diserang anjing. Gambar kanan, Liew.

Anjing serang wanita, nelayan didenda RM2,000

Melaka: Seorang lelaki denda RM2,000 oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam atas tuduhan cuai sehingga menyebabkan anjing peliharaannya menyerang dan mencederakan seorang wanita, bulan lalu.

Tertuduh, Liew Sea Hai, 43, yang bekerja sebagai nelayan mengaku bersalah atas pertuduhan yang dibacakan jururubaha mahkamah di hadapan Majistret Mohamad Izwan Mohamed Noh.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh didakwa dengan cuai menyebabkan haiwan peliharaannya itu mencederakan Purba Evita Kristina, 23 di hadapan rumah Nomor 5, Jalan Marikh 8, Taman Tanjung Minyak Perdana di sini, kira-kira jam 9.30 pagi pada 27 Julai lalu.

Dia didakwa mengikut Seksyen 289 Kanun Keseksaan, sabit kesalahan boleh dipenjara maksimum enam bulan atau denda sehingga RM2,000 atau kedua-duanya.

Terdahulu, tertuduh yang diwakili peguam Surendran Chelvarajah memohon mahkamah mengurangkan hukuman kerana menyesali kejadian terbabit.

"Anjing OKS (orang kena saman) juga sudah dirantai,

tetapi kecualiannya pada hari kejadian adalah membiarkan pagar rumah terbuka.

"Ketika kejadian, rantai besi yang mengikat anjing terputus menyebabkan ia lari keluar daripada rumah disewanya," katanya.

Timbalan Pendakwa Raya Raudhah Mazman bagaimanapun memohon hukuman berat kerana kes berkenaan sudah tular dan perlu menjadi pengajaran kepada masyarakat lain.

Mohamad Izwan kemudian menetapkan denda maksimum RM2,000, manakala penjara tiga bulan jika tertuduh gagal membayar denda berkenaan.

Mahkamah turut mengarahkan anjing terbabit diserahkan kepada Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) untuk tindakan susulan.

Pada 29 Julai lalu, seorang wanita cedera selepas diserang dan digigit anjing peliharaan ketika berjalan di sebuah kawasan perumahan di Tanjung Minyak.

Video yang tular menunjukkan seekor anjing yang keluar dari sebuah rumah menerang mangsa menyebabkan berlaku pergelutan lebih seminit sebelum mangsa diselamatkan penghuni rumah berhampiran.

KERATAN AKHBAR

Tarikh: 7 Ogos 2020

Media Cetak/Elektronik	Kosmo	Catatan:
Ruangan	Negara	
M/Surat	6	
Perkara	MAHA 2020	



LEMBU wagyu yang dipamerkan di salah sebuah siri MAHA di Maeps, Serdang beberapa tahun lalu. – GAMBAR HIASAN

MAHA 2020 diteruskan dengan SOP ketat

KUALA LUMPUR – Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Malaysia (MAHA 2020) tetap diteruskan secara hibrid iaitu fizikal dan maya pada 26 hingga 29 November 2020.

Menteri Kanan Keselamatan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pengurusan Taman Ekspo Pertanian Malaysia (Maeps) Serdang akan menyediakan garis panduan yang perlu dipatuhi untuk penganguran pameran itu.

“Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan PKP bersetuju secara dasar dengan cadangan penganguran MAHA 2020 yang akan diadakan secara fizikal dan maya,”

katanya pada sidang akhbar di bangunan Parlimen di sini semalam.

Ismail Sabri berkata, antara garis panduan yang perlu dipatuhi termasuk hanya peserta diberi kad jemputan dibenarkan masuk ke MAHA 2020 dan kehadiran mereka perlu direkodkan.

Menurut beliau, peserta antarabangsa pula hanya dibenarkan terlibat dalam pameran pertanian itu secara dalam talian.

“Prosedur operasi standard (SOP) perancangan dan pelaksanaan bagaimanapun akan diperhalusi dan dibincang lanjut dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal,” katanya.

KERATAN AKHBAR

Tarikh: 7 Ogos 2020

Media Cetak/Elektronik	Kosmo	Catatan:
Ruangan	Negara	
M/Surat	17	
Perkara	Penguatkuasa	

Daging kerbau RM436,000 dirampas

SEBERANG PERAI — Kira-kira 28 tan daging kerbau sejuk beku bernilai hampir RM436,000 dirampas dalam pemeriksaan di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT), Butterworth di sini pada Selasa lalu.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) negeri Pulau Pinang, Zarina Ramli berkata, rampasan dilakukan ke atas sebuah kontena berisi daging tersebut pada pukul 4.20 petang.


Menurutnya, pemeriksaan mendapati, maklumat pada dokumen yang diisyiharkan pada pembungkusan adalah tidak sama dengan yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar dari segi nama dan

alamat rumah penyembelihan.

"Justeru kita merampas kesemua daging kerbau sejuk beku dari India dengan anggaran berat 27,996 kilogram yang bernilai RM435,927.04 untuk siasatan lanjut," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Katanya, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) kerana memberi maklumat palsu, tidak tepat atau mengelirukan dalam pengimportan keluaran pertanian.

Jika sabit kesalahan boleh denda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau keduanya sekali.



SEBUAH kontena berisi daging kerbau sejuk beku di dalam kotak dirampas Maqis di NBCT, Butterworth baru-baru ini.